




AHMAD SHABERY (tengah) dan Chai Xi (tujuh dari kanan) bersama belia Malaysia yang bakal menjadi duta kecil negara pada program pertukaran belia.



SEORANG belia mengibarkan Jalur Gemilang sambil disaksikan oleh Ahmad Shabery (dua dari kiri) pada majlis pelancaran Program Pertukaran Belia Malaysia - China 2012.

KOSMO 25/4/12 MS 7

# Pertukaran belia erat hubungan Malaysia-China

**S**EBANYAK 100 belia yang mewakili pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan persatuan belia mencipta sejarah apabila menjadi peserta kumpulan pertama bagi Program Pertukaran Belia Malaysia - China 2012 bermula 18 April hingga 27 April ini.

Program yang terhasil daripada lawatan kerja Perdana Menteri China, Wen Jiabao ke Malaysia April tahun lalu setelah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak melihat program tersebut mampu mengeratkan hubungan antara kedua-dua negara.

Majlis penyerahan Jalur Gemilang kepada delegasi Malaysia disempurnakan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek pada satu majlis ringkas di podium Menara Keme-

## Program KBS

terian Belia dan Sukan (KBS) di Putrajaya baru-baru ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Duta China Ke Malaysia, Chai Xi dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Senator Gan Peng Siew.

Program pertukaran belia itu adalah kesinambungan kerjasama dua hala yang terbentuk selepas pemimpin kedua-dua negara sering berbalas lawatan dalam mempertingkatkan hubungan antarabangsa.

Malaysia menjadi rakan perniagaan China yang terbesar di rantau ini sejak empat tahun lalu.

Hubungan dagang tersebut di-

jangka mencecah AS\$100 bilion tahun ini dengan pertambahan jumlah pelancong China yang melawat negara ini mencecah lebih tiga juta orang setahun.

China bakal menghantar seramai 100 belia negara itu ke Malaysia sebagai lawatan balas dari kunjungan kumpulan pertama berkenaan.

Negara yang terkenal dengan keunikan tembok besar itu telah melalui sejarah tersendiri sejak 5,000 tahun lalu dan kini telah berubah wajah menjadi sebuah negara moden dengan daya pembangunan yang pesat serta dinamik.

Pada majlis tersebut, peserta menunjukkan bakat masing-masing dengan membuat persembahan tarian kebudayaan etnik di negara ini dan bentuk yang sama

akan dipertontonkan kepada umum dalam lawatan mereka nanti.

Ahmad Shabery berkata, program tersebut diadakan selama 10 hari bermula 18 April lalu menyasarkan menjadi salah satu lawatan tradisi belia Malaysia ke China pada masa yang akan datang selain membuka era baharu dalam jalinan kerjasama belia daripada kedua-dua negara.

"Alhamdulillah, rancangan ini menjadi kenyataan dan buat pertama kalinya, kita berjaya mendapatkan sejumlah 100 belia yang mempunyai latar belakang berbeza dan boleh membawa identiti yang tersendiri dalam program ini," katanya.

"Saya berharap program seperti ini akan membuka lembaran yang baik antara Malaysia

dan China untuk memperkukuhkan lagi persefahaman kedua-dua buah negara," katanya.

Delegasi berkenaan akan berlepas ke China dalam tiga peringkat dan akan membuat lawatan ke beberapa wilayah di negara tersebut dalam tempoh 10 hari.

Selain membawa nama dan imej negara Malaysia dalam bidang kebudayaan, peserta juga akan mengadakan aktiviti bersukan dengan belia tempatan pada sepanjang lawatan berkenaan.

Peserta program juga akan dibawa melawat ke tiga wilayah serta berpeluang melawat sekolah, mengadakan pertemuan dengan pemimpin belia negara itu, muzium dan tempat-tempat bersejarah.



BELIA yang terpilih mewakili negara pada Program Pertukaran Belia Malaysia - China 2012 bergambar bersama Ahmad Shabery (berdiri tengah) di Putrajaya baru-baru ini.